

**Pengurusan Kepimpinan Demokrasi Dalam Novel “Imam” Karya
Sasterawan Negara Abdullah Hussain**
*Democratic Leadership Management in the Novel Imam by
National Laureate Abdullah Hussain*

Refaznol Ahmad Tasman
refaznol81@gmail.com

*Azhar Wahid **
azhar@fbk.upsi.edu.my

*Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia.*

**Corresponding Author*

Received: 03 May 2026; Published: 13 June 2026

Cite this article (APA) as:

Ahmad Tasman, R., & Wahid, A. (2026). Pengurusan Kepimpinan Demokrasi Dalam Novel “Imam” Karya Sasterawan Negara Abdullah Hussain. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 14(1), 25 - 38. Retrieved from <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/216>

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menganalisis prinsip pengurusan kepimpinan demokrasi yang diterapkan dalam novel *Imam* karya Sasterawan Negara Abdullah Hussain (1996) melalui Pendekatan Pengurusan Sastera yang dikemukakan oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2022). Dengan menggunakan kaedah kualitatif berasaskan analisis teks dan pendekatan kepustakaan, kajian ini meneliti bagaimana nilai-nilai demokrasi seperti musyawarah, keterbukaan, toleransi, keadilan, tanggungjawab sosial dan pembangunan insan dizahirkan melalui tindakan, pemikiran serta keputusan watak utama, Haji Mihad. Kajian mendapati bahawa prinsip perancangan strategik digambarkan secara jelas melalui pelbagai inisiatif reformasi masyarakat di Kampung Anggerik, antaranya pembaikpulihan Masjid Haji Saleh, penyampaian khutbah Jumaat yang progresif, pengenalan sesi usrah inklusif, program pendidikan rohani, penanaman pokok-pokok dan pembinaan kemudahan awam. Sementara itu, gaya kepimpinan Haji Mihad mencerminkan pendekatan demokratik yang menekankan komunikasi dua hala, penglibatan aktif masyarakat, musyawarah dan kesediaan mendengar suara rakyat. Pendekatan ini berbeza secara ketara dengan gaya kepimpinan autokratik yang rigid dan berpusatkan arahan yang ditunjukkan oleh watak-watak antagonis seperti Haji Syamsuri. Dapatan kajian membuktikan bahawa kepimpinan demokrasi berteraskan nilai Islam dan tradisi Melayu khususnya musyawarah, muafakat dan tolak ansur bukan sahaja memperkukuhkan struktur naratif novel, malah berpotensi dijadikan model pengurusan kepimpinan yang relevan dalam konteks Malaysia kontemporari. Novel *Imam* berjaya menjadikan karya sastera sebagai medium pendidikan nilai, pembangunan insan serta pembentukan kepimpinan beretika tinggi yang mampu menghadapi cabaran perubahan sosial sambil mengekalkan identiti budaya Melayu-Islam. Kajian ini menyumbang kepada bidang kritikan sastera dengan memperluaskan aplikasi Pendekatan Pengurusan Sastera dalam menggali elemen kepimpinan dan pengurusan dalam karya kreatif Melayu. Ia juga menawarkan implikasi praktikal kepada pendidikan kepimpinan dan pembangunan masyarakat.

Kata kunci: kepimpinan demokrasi, musyawarah, pengurusan sastera, novel Imam, Abdullah Hussain

ABSTRACT

This study aims to analyse the principles of democratic leadership management as portrayed in the novel Imam by National Laureate Abdullah Hussain (1996) through the Literary Management Approach proposed by Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2022). Employing a qualitative research design based on textual analysis and library research, this study examines how democratic values such as musyawarah (deliberation), openness, tolerance, justice, social responsibility, and human capital development are manifested through the actions, thoughts, and decisions of the main character, Haji Mihad. The study finds that the principle of strategic planning is clearly illustrated through various community reform initiatives in Kampung Anggerik, including the renovation of Masjid Haji Saleh, the delivery of progressive Friday sermons, the introduction of inclusive usrah sessions, spiritual education programmes, tree planting, and the construction of public facilities. Meanwhile, Haji Mihad's leadership style reflects a democratic approach that emphasises two-way communication, active community participation, musyawarah, and openness to the voices of the people. This approach stands in stark contrast to the rigid, authoritarian leadership style demonstrated by antagonistic characters such as Haji Syamsuri. The findings demonstrate that democratic leadership grounded in Islamic values and Malay traditions particularly musyawarah, consensus (muafakat), and mutual tolerance (tolak ansur) not only strengthens the novel's narrative structure but also serves as a relevant leadership management model in contemporary Malaysian society. The novel Imam successfully transforms literary works into a powerful medium for value education, human capital development, and the cultivation of ethical leadership capable of addressing social changes while preserving Malay-Islamic cultural identity. This study contributes to the field of literary criticism by expanding the application of the Literary Management Approach in exploring elements of leadership and management in Malay creative works. It also offers practical implications for leadership education and community development.

Keywords: democratic leadership, musyawarah, literary management, Imam novel, Abdullah Hussain

PENGENALAN

Kesusasteraan Melayu moden bukan sahaja menyampaikan cerita dan hiburan semata-mata, tetapi turut berperanan sebagai wadah yang mengandungi nilai-nilai pengurusan dan kepimpinan yang boleh membentuk pemikiran serta pembangunan masyarakat. Dalam konteks ini, novel *Imam* karya Sasterawan Negara Abdullah Hussain (1996) bukan sahaja menyampaikan cerita, malah mengandungi elemen pengurusan kepimpinan yang kaya. Seperti yang dinyatakan oleh Mahyudin dan Wahid (2025), karya sastera berperanan sebagai medium didaktik yang mencerminkan pelbagai aspek kehidupan masyarakat, termasuk corak pengurusan dan kepimpinan. Novel *Imam* merupakan salah satu teks yang sarat dengan elemen pengurusan kepimpinan dalam latar masyarakat Melayu-Islam. Kajian ini memberi tumpuan khusus kepada pengurusan pembinaan insan dengan menekankan dua prinsip pengurusan utama, iaitu *perancangan strategik* dan *kepimpinan demokrasi*.

Pendekatan Pengurusan Sastera yang diperkenalkan oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2022) masih tergolong sebagai kaedah baharu dalam bidang kritikan sastera Melayu. Berbeza dengan pendekatan tradisional seperti formalistik, moral, sosiologi dan psikologi, pendekatan ini membuka perspektif yang lebih luas dengan menganalisis prinsip-prinsip pengurusan yang tersirat di dalam karya sastera. Menurut Mokhtar Abu Hassan (2022), pendekatan ini membolehkan penyelidik mengenal pasti fungsi-fungsi pengurusan seperti perancangan, kepimpinan, pengorganisasian dan kawalan dalam teks kreatif, seterusnya menjadikan sastera sebagai sumber rujukan praktikal untuk pembangunan kepimpinan dan masyarakat.

Prinsip pengurusan yang dikemukakan oleh beliau mengintegrasikan amalan pengurusan moden dengan nilai-nilai tempatan, khususnya nilai Melayu dan Islam seperti musyawarah, muafakat, amanah, keadilan dan tanggungjawab sosial. Pendekatan ini amat relevan kerana ia

membantu mengubah pandangan terhadap karya sastera bukan sekadar seni, tetapi juga sebagai alat pendidikan yang boleh melahirkan pemimpin beretika dan masyarakat yang berdaya saing. Dalam konteks pengurusan, perancangan dan kepimpinan merupakan dua tunjang utama yang menentukan kejayaan sesebuah organisasi atau komuniti. Perancangan membolehkan seseorang pemimpin mengenal pasti matlamat, sumber dan cabaran secara sistematik, manakala kepimpinan pula melibatkan keupayaan mempengaruhi, membimbing dan memotivasikan ahli masyarakat ke arah mencapai visi bersama. Keberkesanan kepimpinan sering ditentukan oleh gaya yang diamalkan, antaranya autokratik, laissez-faire dan demokratik (Reddin, 1970). Ketiga-tiga gaya ini turut tergambar dengan jelas dalam pelbagai karya sastera Melayu.

Novel *Imam* menjadi pilihan kajian kerana ia menghadirkan gambaran yang hidup tentang aplikasi prinsip-prinsip pengurusan Prof. Mohamad Mokhtar Abu Hassan. Watak utama, Haji Mihad, digambarkan sebagai pemimpin yang bukan sahaja mengurus aspek keagamaan, malah merancang dan melaksanakan pelbagai program pembangunan masyarakat secara demokratik. Inisiatif beliau termasuk pembaikpulihan masjid, khutbah yang membawa pemikiran progresif, program usrah inklusif, pendidikan rohani dan usaha memperindah kawasan masjid bagi menarik golongan muda. Semua tindakan ini mencerminkan kepimpinan yang berasaskan musyawarah dan bertujuan membangunkan insan secara holistik. Kajian ini diharapkan dapat memperkukuh hubungan antara kesusasteraan dengan bidang pengurusan, serta membuktikan bahawa novel *Imam* boleh dijadikan bahan rujukan penting dalam usaha melahirkan pemimpin visioner, inklusif dan berintegriti tinggi dalam masyarakat kontemporari Malaysia.

PERMASALAHAN KAJIAN

Membangunkan masyarakat yang progresif dan berdaya saing memerlukan kepimpinan yang mampu menyeimbangkan antara tuntutan perubahan dan keperluan kestabilan sosial. Dalam novel *Imam* karya Sasterawan Negara Abdullah Hussain (1996), watak utama Haji Mihad digambarkan sebagai pemimpin yang bukan sahaja bertanggungjawab memimpin ibadah, malah berperanan besar dalam membentuk pemikiran, akhlak dan tingkah laku masyarakat Kampung Anggerik. Namun, usaha reformasinya sering menghadapi tentangan hebat daripada golongan konservatif dan pihak berkepentingan yang mahu mengekalkan status quo.

Konflik utama dalam novel ini timbul apabila Haji Mihad cuba menerapkan kepimpinan demokratik yang berasaskan nilai Islam dan tradisi Melayu, iaitu musyawarah, keadilan, toleransi dan amanah. Beliau melihat kepimpinan sebagai amanah suci dan bukan alat untuk mengukuhkan kuasa peribadi. Namun, pendekatan inklusif dan progresifnya, seperti pembaikpulihan masjid, khutbah yang membawa pemikiran baharu, serta program usrah dan pendidikan rohani yang terbuka mencetuskan ketegangan dengan golongan tradisionalis yang lebih selesa dengan amalan lama dan gaya kepimpinan autokratik. Keadaan ini menimbulkan persoalan: sejauh manakah kepimpinan demokrasi boleh dilaksanakan dalam masyarakat yang masih kuat dipengaruhi budaya hierarki dan ketakutan terhadap perubahan?

Selain tekanan luaran, Haji Mihad turut menghadapi dilema dalaman antara mempertahankan idealisme dengan keperluan pragmatisme. Usahanya menegakkan keadilan dan nilai Islam yang syumul sering dianggap terlalu radikal oleh sesetengah pihak, sehingga beliau terpaksa berdepan dengan pilihan sukar sama ada mempertahankan prinsip atau membuat kompromi demi menjaga kestabilan masyarakat. Keadaan ini mencerminkan cabaran sebenar pengurusan kepimpinan dalam konteks masyarakat Melayu-Islam.

Kajian ini juga menyoroti peranan penting musyawarah dan toleransi sebagai mekanisme penyelesaian konflik. Walaupun Haji Mihad sentiasa mengutamakan pendekatan inklusif yang mendengar suara masyarakat, pendekatan tersebut kerap ditolak oleh golongan konservatif. Hal ini menimbulkan persoalan tentang keberkesanan prinsip demokrasi berteraskan Islam dalam mengurangkan perselisihan faham dan membina perpaduan. Selain itu, kajian ini turut mengkaji kesan gaya kepimpinan Haji Mihad terhadap hubungan beliau dengan masyarakat. Walaupun beliau menekankan moral, keadilan dan teladan diri, penerimaan masyarakat terhadap kepimpinannya tidak selalu positif apabila kepentingan tertentu terjejas.

Secara keseluruhannya, novel *Imam* menghadapkan pembaca dengan cabaran pengurusan kepimpinan demokrasi yang kompleks. Melalui Pendekatan Pengurusan Sastera yang dikemukakan oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan, kajian ini bertujuan meneliti bagaimana prinsip musyawarah, keadilan, toleransi dan perancangan strategik boleh dijadikan panduan kepimpinan kontemporari. Kajian ini penting kerana ia bukan sahaja menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang kepimpinan dalam karya sastera, malah memberikan implikasi praktikal kepada pembangunan kepimpinan dalam masyarakat Malaysia hari ini.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis prinsip-prinsip pengurusan kepimpinan demokrasi yang ditampilkan dalam novel *Imam* karya Sasterawan Negara Abdullah Hussain (1996) melalui Pendekatan Pengurusan Sastera. Secara khusus, kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif-objektif berikut:

1. Merumuskan konsep dan gaya pengurusan kepimpinan demokrasi yang digarap dalam novel *Imam*, dengan memberi tumpuan kepada penerapan nilai-nilai utama seperti musyawarah, keadilan, toleransi, amanah dan tanggungjawab sosial dalam konteks kepimpinan organisasi masjid dan masyarakat Melayu-Islam.
2. Menjelaskan fungsi dan keberkesanan pengurusan kepimpinan demokrasi dalam menangani cabaran, menyelesaikan konflik sosial serta agama, dan mengimbangi antara perubahan progresif dengan kestabilan masyarakat seperti yang digambarkan melalui tindakan dan keputusan Haji Mihad.
3. Menganalisis sikap, strategi dan amalan pengurusan kepimpinan demokrasi yang ditonjolkan oleh watak utama Haji Mihad, serta implikasinya terhadap hubungan beliau dengan masyarakat, berdasarkan prinsip-prinsip kepimpinan dan pengkaedahan Melayu yang selaras dengan Pendekatan Pengurusan Sastera Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2022).

Melalui objektif-objektif ini, kajian diharap dapat menunjukkan bahawa novel *Imam* bukan sahaja karya sastera yang bermakna, malah berpotensi menjadi rujukan penting dalam pembangunan insan dan pendidikan kepimpinan kontemporari yang berteraskan nilai Islam dan Melayu.

PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan objektif kajian yang telah ditetapkan, kajian ini merumuskan beberapa persoalan kajian utama seperti berikut:

1. Bagaimanakah gaya pengurusan kepimpinan demokrasi yang digambarkan melalui watak Haji Mihad dalam novel *Imam* mencerminkan penerapan nilai-nilai Melayu-Islam seperti musyawarah, keadilan, toleransi, amanah dan tanggungjawab sosial dalam konteks kepimpinan organisasi masjid dan masyarakat?
2. Apakah peranan dan keberkesanan prinsip kepimpinan demokrasi dalam menangani cabaran, menyelesaikan konflik sosial serta agama, dan mengimbangi antara perubahan dengan kestabilan seperti yang ditampilkan dalam novel *Imam* karya Abdullah Hussain (1996)?
3. Bagaimanakah sikap, strategi dan amalan kepimpinan demokrasi yang ditonjolkan oleh watak utama Haji Mihad mempengaruhi hubungan beliau dengan masyarakat di sekelilingnya, serta apakah implikasinya terhadap pembangunan insan berdasarkan prinsip pengkaedahan Melayu dan Pendekatan Pengurusan Sastera?

Persoalan-persoalan ini menjadi panduan utama kajian bagi memastikan analisis yang mendalam dan terfokus terhadap elemen pengurusan kepimpinan demokrasi dalam novel tersebut.

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini dijalankan menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif menggunakan kaedah kepustakaan. Kaedah kepustakaan digunakan kerana sumebr utama kajian terdiri daripada bahan-bahan dalam bentuk teks dan dokumen berceretak seperti novel, jurnal dan buku-buku akademik. A. Halim Ali (2019) menyebutkan kaedah kepustakaan lazimnya menggunakan sumber data yang sedia ada seperti dokumen bercetak, teks, buku, jurnal dan lain-lain. Kaedah analisis kandungan digunakan untuk menganalisis sumber data dalam bentuk teks. Data yang dianalisis dibincang dan dihuraikan secara deskriptif bersandarkan prinsip-prinsip pengurusan kepimpinan demokrasi yang tersirat dalam novel *Imam*. Kajian ini mengaplikasikan Pendekatan Pengurusan Sastera yang dikemukakan oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2022) sebagai kerangka teori dan analisis utama.

Sumber Data

- a) Data Primer: Teks penuh novel *Imam* karya Sasterawan Negara Abdullah Hussain (1996) terbitan Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. Novel ini dibaca secara mendalam dan berulang kali untuk mengekstrak petikan-petikan yang relevan dengan tema pengurusan kepimpinan demokrasi.
- b) Data Sekunder: Merangkumi karya-karya Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2013, 2022), teori kepimpinan klasik (Reddin, 1970), kajian berkaitan kepimpinan dalam kesusasteraan Melayu, serta bahan rujukan tentang nilai musyawarah, pengkaedahan Melayu dan pembangunan insan.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini menganalisis prinsip pengurusan kepimpinan demokrasi yang digambarkan dalam novel *Imam* karya Sasterawan Negara Abdullah Hussain (1996). Analisis dilakukan melalui kaedah kepustakaan dan analisis teks yang berasaskan Pendekatan Pengurusan Sastera Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2022). Dengan menggunakan petikan teks novel sebagai data primer, kajian ini memfokuskan kepada elemen naratif, pembinaan watak, peristiwa, konflik, latar dan

dialog yang menonjolkan nilai kepimpinan seperti musyawarah, keadilan, toleransi, amanah dan tanggungjawab sosial. Pendekatan ini membolehkan penyelidik bukan sahaja memahami aspek seni sastra, malah menggali potensi teks sebagai sumber ilmu pengurusan yang praktikal.

Novel *Imam* menghidangkan gambaran yang realistik dan mendalam tentang cabaran kepimpinan dalam masyarakat Melayu Islam. Walaupun sering ditentang oleh golongan konservatif yang mahu mengekalkan status quo, watak utama Haji Mihad digambarkan sebagai pemimpin berwibawa yang mengamalkan pendekatan demokratik dan progresif. Beliau bukan sahaja bertanggungjawab memimpin ibadah di Masjid Haji Saleh, malah berusaha membawa reformasi rohani, sosial dan fizikal bagi membangunkan masyarakat Kampung Anggerik secara holistik. Inisiatif beliau termasuk pembaikpulihan masjid, penanaman pokok, pembinaan kemudahan awam, serta pengenalan program usrah dan pendidikan rohani yang inklusif.

Pendekatan ini selaras dengan kerangka Pendekatan Pengurusan Sastra Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2022) yang melihat karya sastra sebagai teks yang kaya dengan prinsip-prinsip pengurusan praktikal. Menurut Mokhtar Abu Hassan (2022), pendekatan ini membolehkan penyelidik mengenal pasti dan menganalisis fungsi-fungsi pengurusan seperti perancangan strategik, kepimpinan, pengorganisasian dan kawalan dalam karya kreatif, seterusnya menghubungkannya dengan pembangunan insan dan masyarakat.

Haji Mihad menolak gaya kepimpinan autoritarian dan hukuman. Sebaliknya, beliau memilih kaedah mendidik, membimbing serta melibatkan masyarakat dalam proses perubahan. Sikap ini mencerminkan nilai kemanusiaan, etika dan tanggungjawab sosial yang tinggi dalam kepimpinan Islam. Beliau sentiasa mengamalkan prinsip musyawarah sebelum membuat keputusan penting dan terbuka mendengar pandangan serta cadangan daripada jemaah masjid dan masyarakat setempat.

Prinsip pengurusan Melayu seperti muafakat, musyawarah dan tolak ansur turut tergambar dengan jelas melalui tindakan Haji Mihad. Beliau kerap melibatkan jawatankuasa masjid dan tokoh masyarakat seperti Tok Guru Haji Salleh, dalam setiap inisiatif reformasi. Watak-watak sokongan ini pula menunjukkan ciri-ciri kepimpinan demokratik yang terbuka kepada kritikan, bersedia berbincang dan komited untuk mewujudkan perpaduan serta keharmonian masyarakat. Secara keseluruhannya, novel *Imam* merupakan sebuah teks yang sarat dengan makna pengurusan. Abdullah Hussain (1996) berjaya menghasilkan naratif kepimpinan Islam yang demokratik, inklusif, adil dan beretika. Karya ini selaras dengan prinsip musyawarah dalam tradisi Melayu dan membuktikan bahawa sastra bukan sekadar alat seni, malah boleh berfungsi sebagai platform penting untuk pendidikan nilai kepimpinan, pembangunan insan dan pembentukan masyarakat berbudaya tinggi pada zaman kontemporari.

Prinsip Kepimpinan Berdasarkan Kepimpinan Demokrasi dalam Novel Imam

Pengurusan kepimpinan merujuk kepada keupayaan seorang pemimpin untuk memimpin, mempengaruhi, mengurus dan memotivasikan masyarakat ke arah mencapai matlamat bersama secara berkesan. Dalam novel *Imam* karya Sasterawan Negara Abdullah Hussain (1996), prinsip ini digambarkan dengan sangat jelas melalui watak utama, Haji Mihad. Sebagai imam Masjid Haji Saleh, beliau bukan sahaja mengurus urusan keagamaan, malah memimpin masyarakat Kampung Anggerik ke arah perubahan rohani, sosial dan fizikal yang lebih baik.

Haji Mihad mengamalkan kepimpinan yang berasaskan musyawarah dan kerjasama. Beliau kerap melibatkan jemaah masjid, jawatankuasa dan penduduk kampung dalam proses membuat keputusan penting, termasuk perancangan pembaikpulihan masjid, program usrah

inklusif dan inisiatif pembangunan kawasan sekitar. Pendekatan ini menjadikan masyarakat sebagai rakan kongsi aktif dalam pembangunan, bukan sekadar pelaksana arahan semata-mata. Selain itu, kepimpinan Haji Mihad menonjolkan ciri-ciri utama seperti integriti, empati, keyakinan diri, kreativiti dan komunikasi dua hala yang berkesan. Beliau mendekati masyarakat dengan penuh kesantunan, sanggup mendengar pandangan yang berbeza, serta berani menegakkan kebenaran walaupun berdepan dengan tentangan golongan konservatif. Berbeza dengan pemimpin yang bergantung kepada kuasa dan arahan sepihak, Haji Mihad memilih jalan mendidik, menasihati dan memberi teladan. Hasilnya, masyarakat mengikutinya atas kesedaran dan keyakinan sendiri, bukan kerana paksaan atau ketakutan.

Menurut Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2022), kepimpinan merupakan seni mempengaruhi manusia agar bekerja dengan rela hati demi mencapai matlamat organisasi. Ciri ini ternyata jelas dalam tindakan Haji Mihad. Walaupun menghadapi pelbagai cabaran seperti konflik dalaman, penentangan tradisionalis, perubahan budaya dan tekanan pihak berkepentingan, beliau tetap konsisten dengan pendekatan demokratik berasaskan musyawarah, toleransi dan konsensus. Beliau tidak menggunakan kuasa autoriti semata-mata, tetapi bergantung kepada ilmu agama, akhlak mulia dan kebijaksanaan untuk mempengaruhi masyarakat.

Dari perspektif pengkaedahan Melayu, kepimpinan Haji Mihad mencerminkan nilai-nilai tradisional seperti amanah, keadilan dan tolak ansur. Beliau memandang jawatan imam sebagai amanah suci daripada Allah SWT, bukan peluang untuk mengukuhkan kuasa peribadi. Pendekatan inklusif ini berjaya membina kepercayaan masyarakat, mengurangkan konflik dan membawa perubahan yang lebih mampan.

Secara keseluruhannya, prinsip kepimpinan demokrasi yang ditonjolkan oleh Haji Mihad memberikan gambaran yang kuat bahawa kepimpinan yang berkesan bukan terletak pada autoriti atau kedudukan, tetapi pada keupayaan memupuk kerjasama, membina kepercayaan dan membangunkan insan secara berterusan. Novel *Imam* berjaya menunjukkan bahawa kepimpinan demokrasi yang berakar umbi dalam nilai Islam dan Melayu mampu membawa masyarakat ke arah kebaikan bersama.

Pelbagai gaya kepimpinan masih diamalkan oleh pemimpin mengikut personaliti, pengalaman dan kesesuaian dengan organisasi atau masyarakat yang dipimpin. Dalam karya kesusasteraan Melayu, gaya kepimpinan ini sering dilihat melalui keperibadian watak-watak ketika mengendalikan masyarakat, jemaah atau kumpulan di bawah tanggungjawab mereka. Reddin (1970) melalui model dimensi kepimpinan membahagikan gaya kepimpinan kepada tiga kategori asas iaitu berorientasikan tugas, berorientasikan hubungan, dan gaya seimbang. Kepelbagaian ini menunjukkan bahawa konsep kepimpinan adalah rumit dan dipengaruhi oleh konteks serta nilai yang dipegang oleh pemimpin.

Dalam novel *Imam* karya Sasterawan Negara Abdullah Hussain (1996), kepelbagaian gaya kepimpinan digambarkan dengan jelas. Haji Mihad menampilkan kepimpinan yang berlandaskan nilai agama, kejujuran, keikhlasan dan visi progresif. Walaupun berdepan tentangan golongan konservatif, beliau tetap teguh dengan prinsip, menunjukkan kepimpinan yang berani, tegas dan berwawasan dalam membentuk masyarakat yang lebih terbuka dalam kerangka Islam.

Menurut Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2022), pendekatan pengurusan dalam sastera membolehkan analisis yang lebih mendalam tentang bagaimana nilai pengurusan dan kepimpinan diintegrasikan dalam karya kreatif. Novel ini turut memperlihatkan watak-watak lain dengan gaya kepimpinan yang berbeza — daripada autoritarian kepada pasif — sekali gus menekankan bahawa keberkesanan kepimpinan bergantung pada konteks, kebijaksanaan, keadilan dan ketulusan melaksanakan amanah, bukan semata-mata jawatan atau kuasa.

Gaya Kepimpinan Dalam Novel Imam

Pelbagai gaya kepimpinan masih diamalkan oleh pemimpin mengikut personaliti, pengalaman dan kesesuaian dengan organisasi atau masyarakat yang dipimpin. Dalam karya kesusasteraan Melayu, gaya kepimpinan ini sering dilihat melalui keperibadian watak-watak ketika mengendalikan masyarakat, jemaah atau kumpulan di bawah tanggungjawab mereka. Reddin (1970) melalui model dimensi kepimpinan membahagikan gaya kepimpinan kepada tiga kategori asas iaitu berorientasikan tugas, berorientasikan hubungan, dan gaya seimbang. Kepelbagaian ini menunjukkan bahawa konsep kepimpinan adalah rumit dan dipengaruhi oleh konteks serta nilai yang dipegang oleh pemimpin.

Dalam novel *Imam* karya Sasterawan Negara Abdullah Hussain (1996), kepelbagaian gaya kepimpinan digambarkan dengan jelas. Pendekatan pengurusan dalam karya sastera membuktikan keberkesannya dalam menyelesaikan konflik watak. Seperti yang diperhatikan oleh Abdul Wahab dan Wahid (2024), aspek pengurusan dapat membantu watak menghadapi permasalahan dan konflik bagi mencapai matlamat yang diinginkan. Begitu juga dalam novel *Imam*, Haji Mihad menggunakan prinsip musyawarah dan kepimpinan demokratik untuk menyelesaikan konflik dengan golongan konservatif serta membawa reformasi masyarakat.

Seperti yang ditunjukkan dalam kajian Mahyudin dan Wahid (2025) terhadap novel *Anugerah*, corak pengurusan organisasi dalam karya sastera boleh dijadikan teladan. Begitu juga dalam novel *Imam*, kepimpinan demokratik Haji Mihad yang mengutamakan musyawarah dan pemuafakatan menjadi contoh terbaik kepimpinan yang bertanggungjawab dan inklusif. Haji Mihad menampilkan kepimpinan yang berlandaskan nilai agama, kejujuran, keikhlasan dan visi progresif. Walaupun berdepan dengan tentangan golongan konservatif, beliau tetap teguh dengan prinsip, menunjukkan kepimpinan yang berani, tegas dan berwawasan dalam membentuk masyarakat yang lebih terbuka dalam kerangka Islam.

Menurut Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2022), pendekatan pengurusan dalam sastera membolehkan analisis yang lebih mendalam tentang bagaimana nilai pengurusan dan kepimpinan diintegrasikan dalam karya kreatif. Novel ini turut memperlihatkan watak-watak lain dengan gaya kepimpinan yang berbeza daripada autoritarian kepada pasif sekali gus menekankan bahawa keberkesanan kepimpinan bergantung pada konteks, kebijaksanaan, keadilan dan ketulusan melaksanakan amanah, bukan semata-mata jawatan atau kuasa.

Gaya Kepimpinan Autokratik

Gaya kepimpinan autokratik menekankan kuasa mutlak pemimpin dalam membuat keputusan tanpa melibatkan pandangan atau cadangan bawahan. Pemimpin bersifat tertutup, mengawal segala urusan secara sendirian, dan melihat ahli masyarakat atau bawahan hanya sebagai pelaksana arahan semata-mata. Pendekatan ini jarang memberi ruang untuk musyawarah atau penyertaan aktif.

Dalam novel *Imam* karya Sasterawan Negara Abdullah Hussain (1996), gaya kepimpinan autokratik diwakili oleh watak-watak konservatif dan golongan tradisional yang kuat mempertahankan status quo. Mereka menentang sebarang bentuk perubahan yang dibawa oleh Haji Mihad dan mengkritik tindakan beliau yang dianggap terlalu bebas dan menyimpang daripada amalan lama. Kritikan ini dapat dilihat dengan jelas dalam petikan berikut:

“Masa-masa yang akhir ini dia mulai buat kerja yang bukan jadi tugasnya. Seperti yang saya katakan tadi dia ajak orang kampung buat terusan waktu kemarau. Saya

suruh dia ajak orang kampung sembahyang hajat minta hujan, itu sudah cukup, buat apa terusan lagi? Allah akan turunkan hujan itu, ini mau memandai-mandai pula dengan kuasa Allah. Kemudian dia tanam pokok-pokok bunga dan buah-buahan di dalam kawasan masjid, dia buat bangku untuk orang duduk macam taman persiaran di dalam kota. Itu kan tanah wakaf. Itu kan perbuatan menarik orang buat maksiat dalam kawasan rumah suci. Dia buka tadika, itu memang baik tapi bininya itu mualaf...”

(Imam,1996:147)

Petikan di atas memperlihatkan sikap autokratik golongan tradisional yang mahu segala keputusan dan amalan dikawal mengikut cara lama serta autoriti mereka. Mereka tidak menerima inisiatif inovatif Haji Mihad seperti pembinaan terusan, penghijauan kawasan masjid, pembinaan kemudahan awam dan program pendidikan inklusif kerana dianggap melampaui batas tugas tradisional seorang imam. Pendekatan ini bertentangan secara langsung dengan semangat musyawarah dan kepimpinan demokratik yang diamalkan Haji Mihad.

Walaupun gaya kepimpinan autokratik boleh memberikan kelebihan dalam situasi kecemasan atau apabila keputusan pantas diperlukan, ia mempunyai banyak kelemahan. Antara kelemahannya ialah mengabaikan suara masyarakat, menghalang kreativiti, menimbulkan ketegangan sosial dan akhirnya menyebabkan ketidakpuasan serta penentangan jangka panjang.

Dalam konteks novel *Imam*, sikap autokratik golongan konservatif ini menjadi punca utama konflik dan menghalang proses pembangunan masyarakat yang lebih progresif. Melalui perbandingan ini, novel *Imam* berjaya menonjolkan kelemahan gaya autokratik dan secara tidak langsung memperkuatkan keutamaan kepimpinan demokrasi yang lebih inklusif dan berteraskan musyawarah.

Gaya Kepimpinan Demokratik

Gaya kepimpinan demokratik menekankan penglibatan aktif masyarakat melalui proses perbincangan, musyawarah dan perkongsian idea. Walaupun pemimpin memegang kuasa membuat keputusan akhir, pandangan, cadangan dan suara ahli masyarakat dihargai dan diambil kira. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan rasa kepunyaan, malah memperkukuhkan komitmen, motivasi dan kreativiti ahli masyarakat.

Gaya kepimpinan demokratik Haji Mihad selaras dengan prinsip kepimpinan dalam Pendekatan Pengurusan. Seperti yang dijelaskan oleh Jaafar dan Wahid (2024), prinsip kepimpinan melibatkan dimensi pentadbiran yang merangkumi dasar bijaksana, berjiwa rakyat, berwawasan dan bersemangat waja. Haji Mihad menunjukkan kesemua ciri ini melalui pendekatan musyawarah, keadilan dan keberaniannya membawa reformasi. Dalam novel *Imam* karya Sasterawan Negara Abdullah Hussain (1996), Haji Mihad merupakan contoh terbaik pemimpin yang mengamalkan gaya kepimpinan demokratik. Beliau sentiasa terbuka menerima pandangan masyarakat dan sanggup menyesuaikan pendekatan beliau berdasarkan keperluan serta cadangan jemaah. Sikap ini jelas ditunjukkan dalam petikan berikut:

“Haji Mihad itu orang pandai, walaupun dia lebih suka membaca doa memohon hujan dalam khutbah Jumaatnya, tetapi dia tetap ikut kemahuan dan pandangan orang ramai untuk membuat solat hajat minta hujan di tengah sawah.”

(Imam, 1996: 218)

Petikan ini menggambarkan kesediaan Haji Mihad untuk mendengar dan menghormati suara masyarakat walaupun pendekatan beliau sendiri agak berbeza. Beliau tidak memaksakan kehendak peribadi, sebaliknya mengamalkan prinsip musyawarah yang selaras dengan nilai Islam dan tradisi Melayu. Pendekatan demokratik ini berjaya membina kepercayaan yang kukuh di kalangan masyarakat Kampung Anggerik.

Lebih daripada itu, gaya kepimpinan demokratik Haji Mihad turut ditunjukkan melalui pelbagai inisiatif seperti pengenalan sesi usrah inklusif, program pendidikan rohani untuk golongan muda, serta pembangunan kemudahan awam di sekitar masjid. Setiap inisiatif ini dilaksanakan setelah berbincang dan mendapat sokongan daripada jawatankuasa masjid serta penduduk kampung. Hasilnya, masyarakat bukan sahaja patuh, malah turut aktif menyokong dan melibatkan diri dalam program-program yang dibawa oleh beliau.

Pendekatan ini selaras dengan prinsip pengurusan yang menekankan kerjasama dan pembangunan insan. Dengan mengutamakan musyawarah dan toleransi, Haji Mihad berjaya mengurangkan konflik, memperkukuhkan perpaduan dan membawa masyarakat ke arah perubahan yang lebih progresif tanpa menimbulkan penentangan yang berpanjangan. Berbeza dengan gaya autokratik yang kaku, gaya demokratik yang diamalkan beliau membuktikan bahawa kepimpinan yang inklusif dan berorientasikan hubungan manusia lebih berkesan untuk membangunkan masyarakat yang berilmu, bermoral dan berdaya saing.

Secara keseluruhannya, gaya kepimpinan demokratik yang ditonjolkan oleh Haji Mihad menjadi model ideal dalam novel *Imam*. Ia menunjukkan bahawa kepimpinan yang sebenar bukan terletak pada kuasa mutlak, tetapi pada keupayaan memupuk kerjasama, menghargai suara rakyat dan membimbing masyarakat ke arah kebaikan bersama.

Gaya Kepimpinan Laissez-Faire

Gaya kepimpinan laissez-faire memberi kebebasan yang tinggi kepada bawahan atau ahli masyarakat untuk membuat keputusan, merancang dan melaksanakan tugas tanpa campur tangan yang berlebihan daripada pemimpin. Pemimpin hanya bertindak sebagai penyedia sumber, pemantau dari jauh dan akan campur tangan sekiranya timbul masalah serius. Gaya ini juga dikenali sebagai kepimpinan bebas atau hands off.

Dalam novel *Imam* karya Sasterawan Negara Abdullah Hussain (1996), gaya kepimpinan laissez-faire digambarkan melalui watak Haji Syamsuri. Beliau menunjukkan sikap pasif dalam kepimpinan dengan menyerahkan hampir keseluruhan tanggungjawab kepada orang lain. Sikap ini dinyatakan dalam petikan berikut:

“Bagi saya tak jadi masalah. Saya boleh bagi-bagikan waktu. Lagi pula semua usaha saya itu telah berjalan dengan lancar dan ada orang yang mengurusnya, saya cuma mengawasi sahaja.”

(Imam, 1996:171)

Petikan ini mencerminkan pendekatan Haji Syamsuri yang longgar dan kurang terlibat secara aktif. Beliau lebih suka membiarkan orang bawahan menguruskan urusan sendiri selagi tidak ada masalah besar. Walaupun pendekatan ini menunjukkan tahap kepercayaan terhadap kebolehan bawahan, ia juga menonjolkan kekurangan arah, visi dan pengawasan strategik yang jelas.

Gaya laissez-faire boleh menjadi sesuai dan berkesan apabila ahli kumpulan atau masyarakat sudah matang, berkemahiran tinggi dan mempunyai motivasi dalaman yang kuat.

Namun, dalam konteks novel *Imam*, pendekatan ini dilihat kurang berkesan untuk membawa perubahan besar atau menangani cabaran sosial yang kompleks. Berbeza dengan Haji Mihad yang aktif melibatkan masyarakat melalui musyawarah dan memberikan arah yang jelas, gaya *laissez-faire* Haji Syamsuri cenderung pasif dan kurang mampu memacu pembangunan masyarakat secara holistik.

Kelemahan utama gaya ini ialah boleh menyebabkan kekurangan koordinasi, kelemahan dalam membuat keputusan penting, serta kemungkinan berlakunya penyelewengan atau ketidakcekapan jika ahli kumpulan tidak berdisiplin. Dalam situasi masyarakat yang sedang menghadapi perubahan dan cabaran, gaya kepimpinan yang terlalu longgar boleh menghalang kemajuan dan mengurangkan keberkesanan organisasi seperti masjid sebagai pusat pembangunan rohani dan sosial.

Melalui perbandingan antara ketiga-tiga gaya kepimpinan, novel *Imam* berjaya menunjukkan bahawa gaya demokratik yang diamalkan Haji Mihad adalah yang paling seimbang dan sesuai untuk konteks masyarakat Melayu-Islam. Gaya ini menggabungkan kebebasan dengan arah yang jelas, musyawarah dengan kepimpinan yang tegas, serta kebebasan dengan tanggungjawab.

Ciri-ciri Pemimpin Ideal

Novel *Imam* karya Sasterawan Negara Abdullah Hussain (1996) bukan sahaja menghidangkan pelbagai gaya kepimpinan, malah menonjolkan ciri-ciri pemimpin ideal yang boleh dijadikan model dalam konteks masyarakat Melayu-Islam. Melalui watak utama Haji Mihad, penulis menggambarkan pemimpin yang menggabungkan ilmu, akhlak, keberanian dan kepekaan sosial dalam satu kerangka kepimpinan demokrasi yang beretika.

Antara ciri-ciri pemimpin ideal yang paling menonjol dalam diri Haji Mihad ialah:

Pemimpin yang Berpengetahuan

Haji Mihad digambarkan sebagai seorang ulama yang berpendidikan tinggi, pernah menuntut ilmu di Mesir dan Makkah. Pengetahuan yang mendalam tentang agama dan dunia membolehkan beliau memberikan khutbah Jumaat yang progresif, membimbing masyarakat dengan hujah yang kukuh dan menangani isu-isu kontemporari dengan pendekatan yang bijaksana. Pengetahuan ini bukan digunakan untuk mengangkat diri, tetapi untuk mendidik dan membangunkan akal serta akhlak masyarakat.

Pemimpin yang Dipercayai

Kepercayaan masyarakat terhadap Haji Mihad terbina daripada integriti, amanah dan konsistensi akhlak beliau sejak kecil. Masyarakat melihat beliau sebagai waris yang layak menggantikan imam lama kerana latar belakang keluarga, pendidikan dan peribadi yang mulia. Kepercayaan ini menjadi asas penting dalam kepimpinan demokrasi kerana ia memudahkan proses musyawarah dan pelaksanaan program pembangunan.

Pemimpin yang Berkeyakinan dan Berani

Haji Mihad menampilkan kepimpinan yang berlandaskan nilai agama, kejujuran, keikhlasan dan visi progresif. Sikap beliau yang berani menentang golongan konservatif sambil tetap mengamalkan musyawarah mencerminkan kewaspadaan diri seorang pemimpin. Seperti yang

diperhatikan oleh Jaafar dan Wahid (2024), kewaspadaan diri sangat berhubung rapat dengan rasa percaya diri yang dapat difahami sebagai keyakinan seseorang terhadap keupayaan yang dimiliki untuk menyelesaikan tugas, amanah dan seterusnya mencapai matlamat yang dirancang. Keyakinan dan kewaspadaan ini membolehkan Haji Mihad terus membawa reformasi masyarakat walaupun menghadapi tentangan hebat. Beliau berani memperkenalkan inisiatif baharu seperti program usrah inklusif, pembinaan tadika dan penghijauan kawasan masjid walaupun dikritik. Keyakinan ini disertai dengan pendekatan yang lembut dan berhikmah, bukannya keras kepala. Sikap ini menunjukkan kematangan seorang pemimpin yang tidak mudah goyah oleh tekanan luar.

Pemimpin yang Inklusif dan Berempati

Haji Mihad sentiasa mendengar suara masyarakat, menghargai pandangan yang berbeza dan mengambil berat nasib golongan muda, mualaf serta keluarga bukan Islam. Pendekatan inklusif ini memperkukuhkan hubungan beliau dengan masyarakat dan menjadikan masjid sebagai pusat pembangunan yang benar-benar milik semua.

Ciri-ciri pemimpin ideal yang ditampilkan melalui watak Haji Mihad selaras dengan prinsip pengurusan kepimpinan demokrasi yang menekankan musyawarah, amanah, keadilan dan tanggungjawab sosial. Berbeza dengan pemimpin autokratik yang kaku atau pemimpin *laissez-faire* yang pasif, Haji Mihad menggabungkan kekuatan visi dengan kepekaan terhadap keperluan masyarakat. Ini menjadikan beliau model pemimpin yang holistik bukan sahaja mengurus masjid, malah membangunkan insan secara menyeluruh.

Secara keseluruhannya, ciri-ciri pemimpin ideal yang diangkat dalam novel *Imam* memberikan inspirasi bahawa kepimpinan yang berkesan di era kontemporari memerlukan gabungan ilmu yang mendalam, integriti yang tinggi, keyakinan yang kuat dan semangat inklusif. Novel ini berjaya menjadikan karya sastera sebagai medium pendidikan kepimpinan yang relevan untuk generasi hari ini.

RUMUSAN

Kajian ini telah menganalisis prinsip pengurusan kepimpinan demokrasi dalam novel *Imam* karya Sasterawan Negara Abdullah Hussain (1996) melalui Pendekatan Pengurusan Sastera. Dapatan kajian membuktikan bahawa watak utama, Haji Mihad, merupakan model pemimpin demokrasi yang ideal dalam konteks masyarakat Melayu-Islam. Beliau mengintegrasikan prinsip perancangan strategik dengan gaya kepimpinan yang berasaskan musyawarah, toleransi, keadilan dan amanah, sekali gus berjaya membawa reformasi rohani dan sosial di Kampung Anggerik walaupun menghadapi pelbagai cabaran dan tentangan.

Melalui analisis gaya kepimpinan, kajian ini menunjukkan bahawa gaya demokrasi yang diamalkan Haji Mihad jauh lebih berkesan berbanding gaya autokratik yang kaku dan *laissez-faire* yang pasif. Kepimpinan beliau yang mengutamakan penglibatan masyarakat, komunikasi dua hala dan pembangunan insan telah berjaya membina kepercayaan, mengurangkan konflik dan memupuk perpaduan. Novel *Imam* dengan jelas memperlihatkan bahawa kepimpinan yang berjaya bukan terletak pada kuasa mutlak, tetapi pada keupayaan mempengaruhi masyarakat melalui teladan, ilmu dan penghargaan terhadap suara rakyat.

Seperti yang disimpulkan oleh Usman dan Wahid (2025), pengurusan kepimpinan dalam karya sastera bersifat kritikal dan mampu mencerminkan corak kepimpinan yang relevan untuk pemimpin masa kini. Novel *Imam* berjaya menampilkan model kepimpinan demokrasi yang boleh dijadikan rujukan dalam pembangunan kepimpinan masyarakat Melayu-Islam kontemporari.

Kajian ini juga mengesahkan bahawa Pendekatan Pengurusan Sastera Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2022) merupakan kerangka analisis yang relevan dan berkesan untuk menggali nilai pengurusan dan kepimpinan yang tersirat dalam karya sastera Melayu. Novel *Imam* bukan sahaja kaya dengan elemen seni naratif, malah berpotensi menjadi bahan rujukan penting dalam pendidikan kepimpinan, pembangunan insan dan latihan pemimpin masyarakat.

Dari segi implikasi praktikal, dapatan kajian ini menawarkan beberapa pengajaran berharga untuk kepimpinan kontemporari di Malaysia. Dalam era yang penuh dengan cabaran sosial, politik dan budaya, kepimpinan demokrasi berteraskan nilai Islam dan Melayu seperti musyawarah, tolak ansur dan tanggungjawab sosial boleh dijadikan panduan untuk membina masyarakat yang lebih harmoni, berdaya saing dan beretika tinggi. Karya sastera seperti *Imam* membuktikan bahawa sastera bukan sekadar hiburan, tetapi juga sumber ilmu yang berpotensi membentuk generasi pemimpin yang visioner dan berintegriti.

Akhir sekali, kajian ini diharap dapat merangsang penyelidikan lanjutan mengenai elemen pengurusan dan kepimpinan dalam karya-karya Sasterawan Negara yang lain. Abdullah Hussain telah berjaya menghasilkan sebuah karya yang abadi bukan sahaja sebagai karya kesusasteraan, malah sebagai cermin dan panduan kepimpinan untuk generasi sekarang dan akan datang.

RUJUKAN

- A.Halim Ali (2019),*Pengetahuan Asas Penyelidikan Dalam Kesusasteraan Melayu*, Klang:MZ Edu Publication.
- Abdullah Hussain. (1996). *Imam*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abu Hassan, M. M. (2022). Sejarah, definisi, konsep dan prinsip pendekatan pengurusan. *PENDETA*, 13(1), 1–10. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol13.1.fa.1.2022>
- Fathin Noor Ain Ramli, Azhar Wahid, & A. Halim Ali. (2023). *Metode pengurusan sastera*. Persatuan Penulis Budiman Malaysia.
- Jaafar, R., & Wahid, A. (2024). Kepimpinan keusahawanan dalam novel terpilih Anwar Ridhwan berdasarkan teori keusahawanan Kirzner. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 12(2), 15–30. Retrieved from <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/190>
- Jaafar, R., & Wahid, A. (2024). Pengurusan kepimpinan keusahawanan dalam karya terpilih Anwar Ridhwan. *Management Research Journal*, 13(2), 43–54. <https://doi.org/10.37134/mrj.vol13.2.4.2024>
- Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2013). *Pendekatan pengurusan: Satu metode dalam kritikan sastera* [Kertas kerja]. Seminar Himpunan Ilmuan Sastera Melayu Malaysia Kedua, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim.
- Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2022). *Pendekatan pengurusan: Penerapan terhadap karya sastera*. MK e-Solutions Sdn. Bhd.
- Mahyudin, M. M., & Wahid, A. (2025). Corak pengurusan organisasi dalam novel Anugerah karya Zaharah Nawawi. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 13(1), 18–32. <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/196>

Reddin, W. J. (1970). *Managerial effectiveness*. McGraw-Hill.

Abdul Wahab, M. T., & Wahid, A. (2024). Pengurusan teknologi dalam karya kesusasteraan Melayu. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 12(2), 57–69. Retrieved from <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/193>

Usman, R. K., & Wahid, A. (2025). Strategi perancangan keusahawanan dalam karya terpilih Shanon Ahmad. *International Journal of Modern Education*, 7(27), 455–472. <https://doi.org/10.35631/IJMOE.727028>

Zuber Ismail, M., Beden, S., & Hassan, M. A. (2015). Keintelektualan pemikiran Melayu dalam cerita lipur lara: Penelitian awal berdasarkan perspektif pendekatan pengurusan. *Journal of Business and Social Development*, 3(2), 1–16.